

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 549/1 Klt.5 (15)

Tarikh : 17 Zulhijjah 1439H

29 Ogos 2018

**SEMUA KETUA JABATAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 2 DAN 3 AKTA KONTRAK
KERAJAAN 1949**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan, kuasa menandatangani semua perjanjian kontrak/kontrak bernilai Kerajaan Negeri Sembilan adalah terletak di bawah kuasa YAB Menteri Besar Negeri Sembilan selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949.

3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa YAB Menteri Besar telah bersetuju untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai yang disebutkan jawatannya dalam Jabatan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan untuk menandatangani kontrak/kontrak bernilai bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan seperti di Lampiran.

Sekian. Terima kasih.

“AMANAH DAN PRODUKTIF”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menurut perintah,

(MOHD KHIDIR BIN MAJID)


Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

**PERWAKILAN KUASA
DI BAWAH SEKSYEN 2 DAN 3 AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

Saya YAB Tuan Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dengan ini memberi kuasa kepada pegawai-pegawai yang disebutkan jawatannya di bawah ini dalam Jabatan Negeri, Negeri Sembilan untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan apa-apa kontrak bernilai/kontrak dalam hal seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Had Nilai Kontrak (Bekalan dan Perkhidmatan) (RM)	Had Nilai Kontrak (Kerja) (RM)
1.	YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan	10,000,000.00	20,000,000.00
2.	YB Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan	8,000,000.00	16,000,000.00
3.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Negeri Sembilan	4,000,000.00	8,000,000.00
4.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Negeri Sembilan	4,000,000.00	8,000,000.00
5.	Pengarah Kerja Raya, Negeri Sembilan	3,000,000.00	6,000,000.00
6.	Semua Pegawai Pengawal*	1,000,000.00	2,000,000.00
7.	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan	500,000.00	1,000,000.00
8.	Jurutera Daerah, JKR Seremban	500,000.00	1,000,000.00
9.	Jurutera Daerah, JKR Kuala Pilah	500,000.00	1,000,000.00
10.	Jurutera Mekanikal, <i>Workshop</i> Negeri	500,000.00	1,000,000.00
11.	Jurutera Daerah, JKR Tampin	500,000.00	1,000,000.00
12.	Jurutera Daerah, JKR Port Dickson	500,000.00	1,000,000.00
13.	Jurutera Daerah, JKR Rembau	500,000.00	1,000,000.00
14.	Jurutera Daerah, JKR Jempol	500,000.00	1,000,000.00
15.	Jurutera Daerah, JKR Jelebu	500,000.00	1,000,000.00

*Melibatkan kontrak bernilai/kontrak di Jabatan berkenaan sahaja.



(YAB TUAN HAJI AMINUDDIN BIN HARUN)
Menteri Besar Negeri Sembilan
Tarikh: 29 Ogos 2018